

**WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Bil. S 36**

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
(Perintah di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH DANA SUSTAINABILITI, 2008**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

1. Gelaran dan gelaran panjang.
  2. Tafsiran.
  3. Tidak mengurangkan peruntukan-peruntukan Perlembagaan III.
  4. Penubuhan Dana Sustainabiliti dan Sub-Dana Amanah.
  5. Matlamat dan tujuan Dana Sustainabiliti dan Sub-Dana Amanah.
  6. Lembaga Pengawal Dana Sustainabiliti dan Sub-Dana Amanah.
  7. Peruntukan kepada dan dari Dana Sustainabiliti dan Sub-Dana Amanah.
  8. Pelaburan, standard penjagaan dan pengawalan dalaman Sub-Dana Amanah.
  9. Pindaan Perlembagaan III.
-

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH DANA SUSTAINABILITI, 2008**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**Gelaran dan gelaran panjang.**

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Dana Sustainabiliti, 2008.  
(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk menubuhkan Dana Sustainabiliti dan 3 Sub-Dana Amanah dan bagi perkara-perkara yang berhubung atau bersampingan dengannya".

**Tafsiran.**

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"Dana Rizab Penstabilan Fiskal" bermakna Sub-Dana Amanah yang disebut dalam bab 4;

"Menteri" bermakna Menteri Kewangan;

"Defisit Bukan Minyak" bermakna perbezaan antara Hasil Bukan Minyak dan jumlah perbelanjaan belanjawan bagi tahun kewangan yang berikutnya. Perolehan faedah dan laba modal ke atas aset yang datangnya dari hasil minyak, hasil gas atau kedua-duanya hendaklah dikecualikan dari pengiraan Defisit Bukan Minyak;

"Hasil Bukan Minyak" bermakna semua hasil kepada Kerajaan selain dari Hasil Berasaskan Minyak;

"Unjuran Hasil Berasaskan Minyak" bermakna jumlah Hasil Berasaskan Minyak yang digunakan sebagai andaian pendasar bagi anggaran belanjawan tahunan, sebagaimana yang disyorkan untuk diluluskan oleh Menteri;

"Hasil Berasaskan Minyak" bermakna hasil-hasil kepada Kerajaan yang diperolehi dari sektor minyak dan gas melalui semua saluran cukai dan bukan cukai, termasuk semua instrumen berdasarkan penghasilan, ekuiti dan keuntungan, dan juga melalui bonus dan bayaran sewa;

## WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

---

"Kekurangan Hasil Minyak" bermakna perbezaan antara Unjuran Hasil Berasaskan Minyak dan (jika rendah) Hasil Berasaskan Minyak sebenar yang diterima oleh Kerajaan sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri;

"Dana Persaraan" bermakna Sub-Dana Amanah yang disebut dalam bab 4;

"Dana Modal Pembangunan Strategik" bermakna Sub-Dana Amanah yang disebut dalam bab 4;

"Dana Sustainabiliti" bermakna Dana Sustainabiliti yang disebut dalam bab 4;

"Sub-Dana Amanah" bermakna suatu Sub-Dana Amanah yang disebut dalam bab 4.

### **Tidak mengurangkan peruntukan-peruntukan Perlembagaan III.**

3. Kecuali setakat mana yang mungkin diperbuat dengan nyata dalam Perintah ini yang berlawanan, tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini boleh dikenakan, dianggap dikenakan atau mengurangkan sebarang peruntukan Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan) (Perlembagaan III).

### **Penubuhan Dana Sustainabiliti dan Sub-Dana Amanah.**

4. (1) Adalah dengan ini ditubuhkan suatu dana amanah Kerajaan yang akan dikenali sebagai Dana Sustainabiliti.

(2) Adalah dengan ini ditubuhkan Sub-Dana Amanah yang berikut —

(a) Dana Rizab Penstabilan Fiskal;

(b) Dana Persaraan;

(c) Dana Modal Pembangunan Strategik.

### **Matlamat dan tujuan Dana Sustainabiliti dan Sub-Dana Amanah.**

5. (1) Matlamat-matlamat penubuhan Dana Sustainabiliti dan Sub-Dana Amanah adalah untuk memastikan kemapanan kewangan Kerajaan dalam jangka masa panjang. Menteri hendaklah mengkaji semula anggaran belanjawan tahunan untuk —

(i) memaksimumkan Hasil Bukan Minyak dalam mana-mana tahun kewangan tertentu dan untuk memudahkan trend yang semakin meningkat dalam Hasil itu dari tahun ke setahun; dan

(ii) meminimumkan Defisit Bukan Minyak dalam mana-mana tahun kewangan tertentu dan untuk memudahkan trend yang semakin menurun dalam Defisit itu dari tahun ke setahun.

(2) Tujuan Dana Sustainabiliti adalah untuk memudahkan dalam memungut, memasuk-kirakan dan menyalurkan bahagian yang berkenaan dari hasil Kerajaan kepada Sub-Dana Amanah. Wang-wang dalam Dana Sustainabiliti boleh dikeluarkan dan digunakan hanya bagi tujuan pendanaan satu atau lebih Sub-Dana Amanah.

(3) Tujuan Dana Rizab Penstabilan Fiskal adalah untuk memperuntukkan wang-wang kepada belanjawan tahunan untuk meniadakan atau menurunkan Kekurangan Hasil Minyak. Wang-wang dalam Dana itu boleh dikeluarkan dan digunakan hanya bagi tujuan tersebut, dengan syarat bahawa semua kos munasabah yang timbul dari atau bersampingan dengan pentadbiran dan pelaburan dan pengurusan wang-wang dalam Dana itu hendaklah juga dikenakan kepada dan kena dibayar dari Dana itu.

(4) Tujuan Dana Persaraan adalah untuk membiayai liabiliti-liabiliti yang berikut dan membayar manfaat-manfaat yang berikut dan semua kos munasabah yang disebut dalam ayat terakhir ceraian ini —

(a) semua penceن dan elaun yang diberikan oleh Akta Pencen Umur Tua dan Hilang Upaya (Penggal 18);

(b) semua penceن, baksis dan elaun lain yang diberikan oleh Akta Pencen (Penggal 38);

(c) semua penceن, baksis dan elaun yang diberikan oleh Akta Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (Penggal 149), Peraturan-Peraturan Polis (S 59/58) dan Aturan-Aturan Penjara;

(d) caruman oleh Kerajaan di bawah Akta Tabung Amanah Pekerja (Penggal 167);

(e) caruman oleh Kerajaan kepada mana-mana skim penceن yang diperkenalkan oleh Kerajaan selepas permulaan kuatkuasa Perintah ini.

Wang-wang dalam Dana Persaraan hendaklah dikeluarkan dan digunakan hanya bagi tujuan-tujuan yang tersebut di atas, dengan syarat bahawa semua kos munasabah yang timbul dari atau bersampingan dengan pentadbiran dan pelaburan dan pengurusan wang-wang dalam Dana itu hendaklah juga dikenakan kepada dan kena dibayar dari Dana itu.

(5) Tujuan Dana Modal Pembangunan Strategik adalah untuk memperuntukkan modal risiko bagi pembangunan strategik tempatan yang menyumbang kepada perkembangan dan kepelbagaian ekonomi dalam berbagai

## WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

---

sektor dan yang meluaskan asas hasil Kerajaan. Tertakluk kepada bab 7(6), wang-wang dalam Dana itu hendaklah dikeluarkan dan digunakan hanya bagi tujuan-tujuan tersebut, dengan syarat bahawa semua kos munasabah yang timbul dari atau bersampingan dengan pentadbiran dan pelaburan dan pengurusan wang-wang dalam Dana itu hendaklah juga dikenakan kepada dan kena dibayar dari Dana itu.

### Lembaga Pengawal Dana Sustainabiliti dan Sub-Dana Amanah.

6. (1) Dana Sustainabiliti hendaklah dikawal oleh suatu Lembaga Pengawal dan Peruntukan yang dipanggil Lembaga Dana Sustainabiliti dan dinasihatinya oleh suatu Jawatankuasa Peruntukan Dana. Ahli-ahli Lembaga dan Jawatankuasa Peruntukan Dana itu hendaklah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan. Jawatankuasa Peruntukan Dana itu hendaklah mengandungi bilangan yang sama dengan bilangan ahli-ahli daripada Lembaga-Lembaga Eksekutif setiap Sub-Dana Amanah dan juga orang-orang yang bukan ahli dalam setiap Lembaga Sub-Dana Amanah. Tiap-tiap ahli suatu Lembaga Sub-Dana dan Jawatankuasa Peruntukan Dana itu hendaklah memegang jawatan bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun dan layak untuk dilantik semula. Mana-mana ahli Lembaga Dana Sustainabiliti, Jawatankuasa Peruntukan Dana atau Lembaga Eksekutif setiap Sub-Dana Amanah yang lantikannya telah ditamatkan, melainkan jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan memutuskan selainnya, tidaklah berhak mendapat apa-apa gantirugi atau pampasan lain dan tidak akan ada apa-apa tuntutan atau rayuan di mana-mana mahkamah terhadap penamatannya tersebut.

(2) Lembaga Dana Sustainabiliti hendaklah disokong dan dibantu dalam penyelidikan, pentadbiran, pengawalan dan keseluruhan operasinya oleh sebuah sekretariat. Pengurusan dan kakitangan sekretariat itu hendaklah terdiri daripada orang-orang yang menyokong dan bekerja bagi pihak Sub-Dana Amanah, dan yang dilantik oleh Lembaga Dana Sustainabiliti setelah berunding dengan Lembaga-Lembaga Eksekutif Sub-Dana Amanah. Lembaga Dana Sustainabiliti hendaklah menentukan peranan, tanggungjawab dan garis membuat laporan bagi pengurusan dan kakitangan tersebut.

(3) Setiap Sub-Dana Amanah hendaklah dikawal oleh suatu Lembaga Eksekutif, yang akan disokong dan dibantu oleh pengurusan dan kakitangan dan suatu Jawatankuasa Penasihat Pelaburan yang dilantik oleh Lembaga Eksekutif itu. Ahli-ahli setiap Lembaga Eksekutif dan Jawatankuasa itu hendaklah memegang jawatan bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun dan layak untuk dilantik semula. Ahli-ahli setiap Lembaga Eksekutif dan setiap Jawatankuasa hendaklah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan. Majoriti ahli dalam setiap Lembaga Eksekutif hendaklah terdiri daripada orang-orang yang tidak berkhidmat dalam Lembaga Dana Sustainabiliti. Majoriti ahli dalam Lembaga Eksekutif setiap Sub-Dana

Amanah hendaklah terdiri daripada orang-orang yang tidak berkhidmat sebagai seorang ahli Lembaga Eksekutif bagi Sub-Dana Amanah lain. Tiap-tiap ahli dalam setiap Jawatankuasa Penasihat Pelaburan hendaklah dipilih oleh Lembaga Eksekutif yang berkenaan.

(4) Orang-orang yang menyokong dan bekerja bagi pihak setiap Sub-Dana Amanah hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan yang ditugaskan oleh Menteri kepada Sub-Dana Amanah itu (tiap-tiap orang itu ditakrifkan dalam Perintah ini sebagai pegawai yang diperbantukan). Setelah diberikan tugas demikian, tiap-tiap pegawai yang diperbantukan hendaklah terus menjadi seorang pegawai kerajaan tetapi hendaklah tertakluk kepada amalan personel dan syarat-syarat pekerjaan (termasuk penilaian prestasi, pampasan dan perkara-perkara yang berkaitan) sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga Eksekutif yang berkenaan. Lembaga Eksekutif setiap Sub-Dana Amanah boleh juga secara langsung mengambil kerja kakitangan di bawah syarat-syarat sebagaimana yang mungkin diputuskan oleh Lembaga Eksekutif. Kakitangan yang diambil kerja secara langsung itu hendaklah dianggap sebagai kakitangan kerajaan bagi maksud-maksud Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22). Lembaga Eksekutif setiap Sub-Dana Amanah hendaklah menetapkan peraturan-peraturan pekerjaan yang jelas berhubung dengan pekerja-pekerjanya.

(5) Suatu Lembaga Eksekutif hendaklah mempunyai semua kuasa dan tugas yang diperlukan dengan munasabah bagi mencapai tujuan-tujuannya di bawah Perintah ini, termasuk —

(a) perkembangan dan pembayaran bagi perbelanjaan operasinya sendiri dan kos munasabah lain dari aset Sub-Dana Amanahnya, tetapi hanya setakat mana perbelanjaan itu munasabah dan dicadangkan hanya bagi maksud untuk mencapai tujuan-tujuan Sub-Dana Amanah;

(b) pemerolehan dan pembuatan kontrak bagi barang-barang dan perkhidmatan atas syarat-syarat yang munasabah, yang diperlukan dengan munasabah untuk mencapai tujuan-tujuan Sub-Dana Amanah dan untuk mematuhi peruntukan-peruntukan Perintah ini;

(c) semua kuasa dan tugas yang diperlukan dengan munasabah untuk melaburkan dan mengurus asetnya dengan hemat.

#### **Peruntukan kepada dan dari Dana Sustainabiliti dan Sub-Dana Amanah.**

7. (1) Sebelum tiap-tiap tahun kewangan yang akan datang, Lembaga Dana Sustainabiliti hendaklah memohon untuk mengeluarkan dari Kumpulanwang Yang Disatukan suatu jumlah wang yang ditentukan oleh Lembaga, setelah menimbangkan nasihat daripada Jawatankuasa Peruntukan Dana.

## WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

---

(2) Sebelum tiap-tiap tahun kewangan yang akan datang dan berdasarkan kepada analisisnya terhadap jumlah wang tersebut Sub-Dana Amanah yang berkenaan menghendaki tahun itu untuk mencapai tujuannya di bawah Perintah ini, Lembaga-Lembaga Eksekutif yang berkenaan bagi Dana Rizab Penstabilan Fiskal, Dana Persaraan dan Dana Modal Pembangunan Strategik hendaklah menentukan jumlah wang yang diperlukan dan sesuai untuk mencapai tujuan tersebut dan hendaklah memberitahu jumlah wang tersebut dan rasional pendasar bagi jumlah wang tersebut kepada Jawatankuasa Peruntukan Dana. Jawatankuasa itu hendaklah kemudiannya memberikan secara dalaman dan kepada Lembaga Dana Sustainabiliti berhubung dengan jumlah wang tersebut, jika ada, bahawa Dana Sustainabiliti hendaklah menguntukkan kepada setiap Sub-Dana Amanah berkenaan dengan tahun kewangan itu.

(3) Setelah menimbangkan permohonan tahunan setiap Lembaga Sub-Dana Amanah, analisis dan nasihat Jawatankuasa Peruntukan Dana dan jumlah wang yang dijangka dapat diperolehi oleh Dana Sustainabiliti daripada Kumpulanwang Yang Disatukan berkenaan dengan tahun kewangan itu, Lembaga Dana Sustainabiliti hendaklah menentukan pada tiap-tiap tahun amaun wang, jika ada, ia hendaklah menguntukkan kepada setiap Sub-Dana Amanah dan hendaklah kemudiannya menguntukkannya. Apa pun amaunnya, jika ada, yang diuntukkan oleh Lembaga Dana Sustainabiliti kepada suatu Sub-Dana Amanah hendaklah dimasuk-kirakan dalam Akaun Amanah Yang Disatukan dan hendaklah dipindahkan kepada Sub-Dana Amanah itu.

(4) Setelah menentukan amaun Kekurangan Hasil Minyak bagi tiap-tiap suku tahun yang berkenaan, Menteri hendaklah, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, memperakui suatu jumlah wang yang mungkin kurang dari atau bersamaan dengan (tetapi tidak lebih dari) amaun itu dan menyebabkan supaya jumlah wang itu dipindahkan dari Dana Rizab Penstabilan Fiskal kepada Kumpulanwang Yang Disatukan bagi tujuan membayar beberapa atau semua Kekurangan Hasil Minyak.

(5) Aset Dana Persaraan hendaklah digunakan dan dipakai hanya bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam bab 5(4).

(6) Menteri boleh membenarkan pemindahan aset Dana Modal Pembangunan Strategik kepada Kumpulanwang Yang Disatukan yang berbangkit dari dividen, pengagihan, penjualan ekuiti, pulangan lain ke atas modal atau pulangan modal kepada Dana Modal Pembangunan Strategik dari pelaburan-pelaburan yang telah dibuatnya dahulu.

### **Pelaburan, standard penjagaan dan pengawalan dalaman Sub-Dana Amanah.**

8. (1) Lembaga Eksekutif setiap Sub-Dana Amanah hendaklah menetapkan dan mematuhi dasar-dasar pelaburan dan menerima-pakai standard dan prosedur

yang akan digunakan oleh orang waras yang hemat bagi sesuatu portfolio pelaburan untuk mencapai tujuan Dana itu bagi mempelbagaikan dengan munasabah risikonya, mengelakkan risiko kerugian yang tidak wajar dan untuk mendapatkan suatu pulangan yang munasabah, di bawah semua hal-keadaan yang berkaitan. Lembaga Eksekutif hendaklah melaburkan, mengurus dan mentadbir aset Sub-Dana Amanah yang berkenaan menurut dasar, standard dan prosedur tersebut dan hanya bagi maksud untuk mencapai tujuan Dana itu. Tertakluk kepada ayat di atas, Lembaga Eksekutif setiap Sub-Dana Amanah boleh melaburkan asetnya dalam sebarang pelaburan yang dinyatakan dalam ceraian (2).

(2) Pelaburan-pelaburan yang disebut dalam ceraian (1) adalah —

(a) sebarang stok, dana, saham atau sekuriti dalam syarikat-syarikat yang diperbadankan atau beroperasi di Negara Brunei Darussalam yang telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan;

(b) sebarang pelaburan dalam mana-mana entiti atau instrumen penerbit yang berpusat di mana-mana negara atau wilayah lain, atau asalnya dalam mana-mana matawang lain, yang diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, termasuk —

- (i) sebarang sekuriti dengan faedah tetap yang dikeluarkan oleh atau dijamin oleh sesebuah Kerajaan, negara atau perbandaran atau oleh sesebuah institusi antarabangsa yang dijamin oleh sesebuah Kerajaan, sama ada atau tidak diperdagangkan dalam sebuah bursa;
- (ii) sebarang kadar terapung dan sekuriti terlindung inflasi;
- (iii) sebarang obligasi sesebuah perbadanan, bank komersial atau sesebuah syarikat induk bank; sekuriti dengan sandaran aset dan sekuriti dengan sandaran gadai janji yang diterbitkan atau dijamin tanpa syarat oleh sesebuah entiti korporat atau amanah; sebarang perjanjian pembelian semula dan pembelian semula terbalik dengan sesebuah bank komersial utama dan dealer utama;
- (iv) kontrak niagaan hadapan, kontrak hadapan, kontrak opsyen, atau pertukaran dalam sebarang pelaburan yang dibenarkan oleh ceraian ini yang diperdagangkan dalam sebuah bursa yang dikawalselia oleh pihak berkuasa nasional; atau kontrak terbitan atas kaunter yang berdasarkan kepada kriteria pasaran atau transaksi yang diiktiraf umum di kalangan kaunterparti yang bereputasi baik dan boleh dipercayai;

## WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

---

- (v) sebarang sekuriti yang disenaraikan dan diperdagangkan dalam sebuah bursa yang dikawalselia oleh pihak berkuasa nasional;
- (vi) mana-mana dana yang diperdagangkan dalam bursa dan syarikat pelaburan, instrumen yang memberikan pendedahan kepada indeks pasaran bagi sebarang pelaburan yang dibenarkan oleh ceraian ini; instrumen berstruktur termasuk tetapi tidak terhad kepada obligasi hutang berkolateral; dana ekuiti persendirian dan sekuriti individu; dan dana terlindung nilai;
- (vii) sebarang instrumen kewangan Islam;
- (viii) sebarang bulion, komoditi, dan matawang;
- (ix) sebarang harta tanah dan infrastruktur;
- (x) sebarang pelaburan tertentu lain yang tidak termasuk dalam ceraian ini sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Tiap-tiap Lembaga Eksekutif boleh, atas budibacaranya yang munasabah, menetapkan dan mematuhi dasar, standard dan prosedur yang seluas-luasnya atau lebih terhad dari yang dibenarkan oleh ceraian ini.

(3) Lembaga Eksekutif setiap Sub-Dana Amanah boleh dengan hemat mewakilkan kuasa yang berkenaan kepada seseorang pegawai yang diperbantukan, mana-mana agensi Kerajaan dan mana-mana syarikat lain (termasuk tetapi tidak terhad kepada sesebuah firma pengurusan pelaburan, syarikat insurans dan bank) (yang setiap satunya disebut dalam ceraian (4) sebagai penyedia perkhidmatan), dengan syarat bahawa —

(a) perwakilan kuasa tersebut sesuai didokumentan;

(b) wakil itu memberikan pengakuan bertulis tentang bertanggungjawab, liabiliti dan kewajipan yang berkenaan berkaitan dengan perwakilan kuasa tersebut; dan

(c) Lembaga memantau perlaksanaan setiap wakil.

(4) Lembaga Eksekutif setiap Sub-Dana Amanah dan setiap Jawatankuasa Penasihat Pelaburan yang berkenaan (dan tiap-tiap ahli Lembaga dan Jawatankuasa itu) hendaklah melaksanakan kewajipan-kewajipannya hanya untuk mencapai tujuan-tujuan Sub-Dana Amanah itu. Suatu Lembaga Eksekutif hendaklah menetapkan dan mematuhi dasar dan prosedur untuk mengesan dan

mencegah percanggahan kepentingan dan untuk mengenakan standard etika yang munasabah kepada ahli-ahlinya, semua ahli Jawatankuasa Penasihat Pelaburan yang berkenaan, semua pegawai yang diperbantukan dan semua penyedia perkhidmatan yang diguna khidmat oleh Lembaga (yang semuanya dalam ceraian ini disebut sebagai orang yang diliputi). Dasar dan prosedur tersebut hendaklah termasuk suatu peruntukan bahawa —

*(a)* setiap orang yang diliputi yang mempunyai kepentingan kewangan peribadi atau kepentingan lain secara langsung atau tidak langsung dalam sesuatu kontrak atau pelaburan yang dibuat atau dicadangkan akan dibuat oleh suatu Sub-Dana Amanah, hendaklah mendedahkan jenis kepentingannya dalam mesyuarat pertama Lembaga selepas fakta-fakta yang berkaitan telah sampai ke pengetahuannya;

*(b)* suatu pendedahan di bawah perenggan *(a)* hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat Lembaga Eksekutif dan, selepas pendedahan itu dibuat, orang yang diliputi —

- (i)* tidak boleh mengambil bahagian dalam sebarang perbincangan atau keputusan Lembaga atau kakitangannya berhubung dengan, atau pun selainnya mempengaruhi atau bertujuan untuk mempengaruhi isi kandungan, syarat-syarat atau sebarang aspek lain, kontrak atau pelaburan itu;
- (ii)* jika dia seorang ahli Lembaga Eksekutif, hendaklah diketepikan bagi maksud untuk menjadikan korum Lembaga Eksekutif dalam sebarang perbincangan atau keputusan tersebut;
- (iii)* jika dia seorang ahli Jawatankuasa Penasihat Pelaburan, seseorang pegawai yang diperbantukan atau penyedia perkhidmatan hendaklah tidak mengambil sebarang tindakan berhubung dengan kontrak atau pelaburan itu;

*(c)* tiada perbuatan atau prosiding Lembaga Eksekutif boleh dipersoalkan oleh mana-mana orang yang bukan ahli Lembaga Eksekutif atas alasan bahawa orang yang diliputi telah melanggar peruntukan-peruntukan ceraian ini;

*(d)* tiada ahli Lembaga Eksekutif setiap Sub-Dana Amanah boleh bertindak sebagai seorang wakil dalam Lembaga Eksekutif kerana sebarang kepentingan komersial, kewangan, pertanian, perindustrian atau kepentingan lain yang mungkin ada kaitan dengannya.

(5) Lembaga Eksekutif setiap Sub-Dana Amanah hendaklah menetapkan dan mematuhi suatu sistem kawalan dalam bertulis berhubung dengan program pelaburan, penerimaan dan pengagihan wang dan aktiviti lainnya.

## WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

---

Sekurang-kurangnya, sistem itu boleh menghendaki pengasingan tugas dan proses audit dalaman, yang bersesuaian di bawah hal-keadaan tersebut.

(6) Akaun-akaun setiap Sub-Dana Amanah hendaklah diaudit pada tiap-tiap tahun oleh —

(a) Juruaudi Agung; atau

(b) mana-mana orang yang telah dibenarkan untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan yang dikehendaki oleh Akta Syarikat (Penggal 39) untuk dilaksanakan oleh seseorang juruaudit, yang akan dilantik pada tiap-tiap tahun oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan:

Dengan syarat bahawa jika akaun-akaun telah diaudit di bawah ceraian (6)(b), akaun-akaun tersebut boleh disahkan oleh Juruaudit Agung sebelum satu salinannya dihadapkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(7) Lembaga Eksekutif setiap Sub-Dana Amanah hendaklah mengadakan mesyuarat dengan seberapa kerap yang dikehendaki tetapi tidak kurang kerapnya dari sekali dalam setiap 3 bulan. Dalam setiap mesyuarat suatu Lembaga Eksekutif, korum hendaklah terdiri daripada majoriti ahli dan keputusan hendaklah diterima-pakai dengan undi lebih suara ahli-ahli yang hadir dan mengundi kecuali sekiranya terdapat persamaan undi, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus. Lembaga Eksekutif itu hendaklah menyebabkan supaya minit bertulis mengenai prosiding dan keputusannya disimpan. Pengerusi Lembaga Eksekutif itu hendaklah menyebabkan supaya semua keputusan Lembaga dan minit setiap mesyuarat dihantar kepada pengerusi Lembaga Dana Sustainabiliti dengan seberapa segera yang boleh selepas keputusan atau mesyuarat itu, yang kemudiannya akan menghadapkannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

### Pindaan Perlembagaan III.

9. Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan) adalah dipinda, dalam Jadual Kedua, dengan menambah —

"Dana Amanah —

Dana Sustainabiliti

**Sub-Dana Amanah –**

Dana Rizab Penstabilan Fiskal

Dana Persaraan

Dana Modal Pembangunan Strategik".

Diperbuat pada hari ini 3 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1429 bersamaan dengan 11 haribulan Mac, 2008 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**